

02 DEC 1999

Ali-Ketua Menteri

MOHD ALI RUSTAM DILANTIK KETUA MENTERI MELAKA

MELAKA, 2 Dis (Bernama) -- Bekas Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Wira Mohd Ali Rustam hari ini mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka yang kesembilan.

Beliau menerima surat pelantikan jawatan daripada Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin pada satu istiadat di Istana Melaka di sini pada kira-kira pukul 9.05 pagi.

Mohd Ali, 50, menggantikan Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Abu Zahar, yang menyandang jawatan itu pada Mei 1997 bagi mengisi kekosongan selepas kematian Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, bertanding kerusi parlimen Jasin pada pilihan raya umum ke-10, Isnin lalu.

Mohd Ali pula memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumpit yang ditandinginya pada pilihan raya yang sama.

Mohd Ali, yang juga Ketua Umno Bahagian Batu Berendam, sebelum ini adalah anggota parlimen Batu Berendam.

Dalam ucapannya selepas mengangkat sumpah, beliau melahirkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk memimpin kerajaan negeri yang baru dibentuk.

Beliau berkata pelantikannya itu sebagai tanggungjawab untuk meneruskan cita-cita memajukan Melaka sejajar dengan wawasan menjadikan negeri itu sebuah negeri maju menjelang tahun 2010.

"Walaupun saiz negeri sederhana dan terhad pendapatannya, kita menaruh harapan dapat meningkatkan tahap kemajuan menerusi pentadbiran yang cekap dan sokongan padu rakyat," katanya.

Mohd Ali juga mengucapkan syabas kepada kepimpinan Abu Zahar dan Barisan Nasional (BN) negeri kerana kejayaan memenangi pilihan raya Isnin lalu dengan majoriti dua pertiga.

"Ini jelas menunjukkan sokongan rakyat kepada pimpinan kerajaan dan parti yang memerintah," katanya

Mohd Ali, yang juga Timbalan Pengerusi BN negeri, turut menasihati para penyokong parti yang bertanding supaya menerima keputusan rakyat dan melupakan sengketa dan saingan politik.

Beliau berkata semua pihak harus berkait rapat dan melupakan sengketa bagi memastikan program pembangunan dapat diteruskan dengan berjaya.

Mohd Ali ialah bekas anggota Exco kerajaan negeri sebelum dilantik menyertai kabinet pusat selepas bertanding kerusi parlimen pada pilihan raya umum 1995.

Mohd Ali, yang berkelulusan Ijazah Pembangunan Ekonomi dari Universiti Sains Malaysia, pernah berkhidmat di beberapa jabatan dan agensi kerajaan sebelum mengorak langkah sebagai wakil rakyat dengan memenangi kerusi negeri Ayer Molek pada pilihan raya umum 1986.

Beliau terus dilantik anggota Exco kerajaan negeri selepas kejayaan itu dan menjawat jawatan itu selama dua penggal sebelum berpindah ke kerajaan pusat.

Mohd Ali dan isteri Datin Asmah Abdul Rahman mempunyai tiga orang anak.

-- BERNAMA

MOZ MYD AKD